

AKHBAR : BERITA HARIAN

Gangguan bekalan air di Shah Alam, Petaling

➔ Paip pecah penduduk bimbang tadahan tak mencukupi

Oleh **Norrashikin Leman**

bhnews@bh.com.my

▀ **Shah Alam**

Penduduk di beberapa kawasan yang terjejas akibat gangguan bekalan air sementara di sekitar Shah Alam dan Petaling berikutan paip pecah kini bergantung kepada air simpanan.

Zulkafli Ayub, 42, dari Kampung Kebun Bunga, Batu Tiga, berkata bekalan air terganggu sejak jam 1 pagi hingga petang semalam.

Katanya, mereka dimaklumkan bekalan air akan pulih pada jam 6 petang tetapi ia tidak berlaku, sekali gus memaksa mereka menggunakan air hujan yang ditadah.

"Oleh kerana kawasan kami tidak mempunyai tangki simpanan air, saya bimbang air tadahan hujan yang ada tidak mampu menampung kegunaan harian sehingga lusa (esok).

"Kami harap pihak SYABAS dapat menyediakan lori tangki sementara di kawasan ini sekiranya masalah gangguan bekalan air berlarutan selama beberapa hari bagi memudahkan kami yang sememangnya terjejas teruk dengan masalah ini," katanya ketika ditemui.

Terpaksa tutup gerai

Selain penduduk, tinjauan *BH* mendapati premis makanan dan beberapa syarikat sekitar daerah ini turut terjejas dan mungkin terpaksa menghentikan operasi untuk sementara.

Pemilik gerai makanan, Siti Mawardi Muslim, 34, terpaksa menutup gerai buat sementara waktu berikutan gangguan bekalan air sejak pagi kelmarin.

"Saya tak berani menggunakan air tangki simpanan untuk memasak atau membancuh minuman kerana bimbang ia tidak bersih.

"Saya tidak mahu masalah lain terutama penyakit berjangkit timbul, walaupun berdepan risiko pendapatan terjejas," katanya.





Penduduk mendapatkan bekalan air bersih yang diagihkan SYABAS di Taman Sri Aman Seksyen 32, Shah Alam, semalam.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

Perbincangan terarah kepada isu pentadbiran - Azmin

Tak sentuh jurulatih

Oleh **FADHILUL IZMEL ISHAK**
sukan@utusan.com.my

■ **SHAH ALAM 29 OGOS**

PERSATUAN Bola Sepak Selangor (FAS) langsung tidak menyentuh isu yang dianggap paling kritikal dalam kalangan penyokong *Red Giants* iaitu pelantikan jurulatih baharu dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutifnya hari ini.

Biarpun hampir dua jam bersidang di Bangunan SUK, Shah alam, namun keputusan mengenai calon pengganti Zainal Abidin Hassan langsung tidak dibincangkan.

Malah, sumber dalaman FAS mendakwa, mesyuarat tersebut berlangsung tegang apabila isu peletakan jawatan dua pegawai kanan persatuan iaitu Setiausaha Agung, Rosman Mohd. Ibrahim dan Bendahari, Datuk S. Sivasundaram dibangkitkan.

Kata sumber berkenaan, be-

berapa anggota jawatankuasa eksekutif yang tidak berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan oleh pengurus pasukan, Amirudin Shari bertindak meninggalkan bilik mesyuarat lebih awal.

Presiden FAS, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali ketika ditanya mengenai perkara itu mengakui, isu jurulatih tidak dibincangkan dalam mesyuarat, sebaliknya perbincangan lebih terarah kepada urusan pentadbiran dalaman badan induk bola sepak negeri tersebut.

"Tiada. Kami membincangkan beberapa perkara yang kami perlu selesaikan. Timbalan Presiden, Datuk Abdul Mokhtar (Ahmad) akan meneliti perkara tersebut. Ini lebih kepada soal pentadbiran dalaman di mana Datuk Mokhtar akan mengadakan perbincangan susulan.

"Tiada (situasi panas ketika

mesyuarat). Lebih kepada perbincangan soal pentadbiran FAS dan sebab itu saya serahkan kepada Timbalan Presiden dan perkara ini akan dibawa kepada mesyuarat exco yang akan datang," kata Menteri Besar Selangor itu kepada pemberita.

FAS membuat keputusan drastik apabila memecat Zainal Abidin berkuatkuasa pada 7 Ogos ekoran prestasi hambar Selangor sejak di bawah bimbingannya.

Tugas jurulatih sementara diberikan kepada penolong jurulatih, K. Gunalan sehingga satu tempoh di mana badan induk negeri itu mengenal pasti calon sesuai.

Sehari kemudian, Rosman dan Sivasundaram membuat keputusan meletakkan jawatan dalam pentadbiran badan induk bola sepak negeri itu sebagai anda sokongan kepada Azmin yang mahu melakukan rombakan serta perubahan terhadap FAS. Azmin menerima perletakan jawatan tersebut.

